

16 FEB 2001

Cuepacs

CUEPACS AKAN TERUS BERJUANG UNTUK KEBAJIKAN KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Cuepacs tidak akan berhenti memperjuangkan isu-isu berkaitan kebajikan kakitangan awam biarpun ia tertangguh sekian lama, kata Presidennya N.Siva Subramaniam.

Beliau berkata antara isu yang akan diperjuangkan ialah bagi menggantikan Skim Saraan Baru (SSB) dengan satu sistem penggajian yang lebih sistematik, tuntutan gaji minimum RM1,200 dan pencen minimum RM500 serta imbuhan tetap perumahan yang lebih tinggi untuk kakitangan awam.

"Walaupun ia akan mengambil masa yang lama tetapi kita akan tetap menggunakan konsep musyawarah dan bukannya konfrontasi kerana pemimpin yang berjaya pada akhirnya ialah pemimpin yang boleh mengemukakan hujah yang konkrit di meja perundingan," katanya pada majlis meraikan bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali anjuran Cuepacs di sini.

Majlis itu juga turut meraikan Ketua Setiausaha Negara yang baru Tan Sri Samsudin Osman serta Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

Siva dalam ucapannya turut mencadangkan penubuhan Fellowship Mahathir untuk membawa pemimpin kesatuan sekerja dari luar negara mempelajari bagaimana kesatuan sekerja di negara ini menjalankan tanggungjawab mereka.

"Kita akan tunjuk dan buktikan pada mereka bahawa pemimpin kesatuan sekerja kita tidak dipenjara dan diseksa sebagaimana yang digembar-gemburkan," katanya.

Sementara itu, Samsudin dalam ucapan balasnya berkata kerajaan amat menghargai sikap toleransi yang ditunjukkan oleh Cuepacs dalam perjuangan mereka.

"Walaupun banyak tuntutan yang belum selesai kita bangga kerana Cuepacs tidak pernah mengambil tindakan yang drastik seperti membuat ugutan dan sebagainya.

"Kita harap Cuepacs akan terus bersabar kerana JPA sebenarnya tidak berdiam diri. Ada langkah-langkah yang sedang disiapkan berhubung tuntutan tersebut," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Aseh Che Mat.

-- BERNAMA

NHA SHI HS AKD